

UTHM/PT/100-8/14/3 JLD 46 (82)


19 Oktober 2020



Prof Ts Dr Suriani Abu Bakar

Timbalan Naib Canselor Penyelidikan dan Inovasi (TNCPI)
Pejabat TNCPI
Universiti Pendidikan Sultan Idris
35900 Tanjung Malim
Perak

YBhg. Prof.,



**PELANTIKAN SEBAGAI PENILAI MANUSKRIP BUKU TERBITAN UNIVERSITI
TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA**

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.


2. Sukacita dimaklumkan Penerbit Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) bersetuju untuk melantik YBhg. Prof. sebagai penilai bagi manuskrip buku bertajuk **"FUNDAMENTAL OF SPINTRONIC AND ITS' APPLICATION IN ORGANIC SOLAR CELL"**.
3. Sebagai makluman, manuskrip ini adalah setebal 64 muka surat dan sugu hati sebanyak RM200 akan dibayar setelah kerja-kerja menilai selesai dilaksanakan dan dikembalikan kepada kami. Mohon kerjasama YBhg. Prof. untuk memberi cadangan tajuk baru bagi manuskrip yang dinilai.
4. Bersama-sama ini disertakan salinan bercetak manuskrip tersebut berserta Borang Penilaian Manuskrip untuk tindakan tuan seterusnya. Diharapkan agar YBhg. Prof. dapat menyerahkan kembali manuskrip ini dan Borang Penilaian ke Pejabat Penerbit UTHM selewat-lewatnya pada **20 NOVEMBER 2020**. Sebarang kesulitan atau makluman lanjut sila berhubung dengan En. Mohamad Zamirularif b. Tabri (07-4537428 / 017-725 5451).
5. Selain itu, bagi tujuan penyerahan kembali manuskrip dan borang kepada kami, pihak GDex akan menghubungi YBhg. Prof. selepas tarikh akhir penilaian manuskrip ini untuk mengambil semula semua dokumen ini.

Segala kerjasama dan perhatian yang diberikan amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

"DENGAN HIKMAH KITA MENEROKA"

Saya yang menjalankan amanah,



PROF. MADYA Ts. DR. AMIR BIN KHALID

Pengarah Penerbit

07-453 7190

- 07-453 6145.

s.k : *Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)*

AK/amaw/19.10.2020/BukuJLD46